

Usaha kerajaan memerangi ancaman dadah berkesan: Musa

DATUK Musa Hitam menegaskan usaha kerajaan dalam memerangi ancaman dadah di seluruh negara setakat ini memperlihatkan kemajuan dan kesan positif, khususnya selepas pelancaran kempen antidadah peringkat kebangsaan pada 19 Februari lalu.

Di bidang perundangan dan penguatkuasaan, kata Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Dalam Negeri, kerajaan telah membuat beberapa pindaan ke atas Akta Dadah Berbahaya 1952 untuk memberatkan lagi hukuman ke atas pengedar-pengedar dadah.

Beliau menjelaskan demikian dalam jawapan bertulis kepada pertanyaan anggota DAP Kuala Lumpur Bandar, Encik Lee Lam Thye yang ingin tahu mengenai kejayaan yang dicapai setakat ini dalam usaha memerangi wabak dadah.

Mengikut satu bincangan yang telah dibuat oleh Kementerian Pengerangan adalah didapati bahawa 94 peratus dari sampel responden bersetuju dengan hukuman lebih berat yang dikenakan mengikut pindaan itu.

Kejayaan yang membanggakan telah dicapai dalam usaha memberantas pengedaran dadah hasil dari peningkatan langkah-langkah penguatkuasaan, jelasnya.

Seramai 119 pengedar telah ditangkap dalam tempoh bulan Mac hingga Jun ini, tambahnya.

Ini adalah pertambahan 24 peratus berbanding dengan tangkapan bagi tempoh empat bulan sebelum kempen ini dilancarkan.

Rampasan dadah jenis heroin ialah sebanyak 93.642 kilogram, candu mentah 98.394 kilogram dan ganja 188.229 kilogram, masing-masing merupakan 418.3 peratus 573.7 peratus dan 222.3 peratus rampasan dalam tempoh 4 bulan sebelumnya.

Sebanyak empat buah makmal haram yang menjadi punca bekalan dadah dalam negara telah juga dibongkar, jelasnya.

Jalani pemulihan

Timbalan Perdana Menteri berkata, bekalan dadah kini sukar didapati dan harganya telah meningkat sejak bulan April ini dan ketulenan dadah yang didapati dalam pasaran juga telah menurun sejak 1 April.

Tambahnya, pengedar, penjual dan penagih telah mula menghidangkan diri untuk mengelakkan dari tangkapan pihak berkuasa.

Dalam bidang rawatan dan pemulihan pula kerajaan telah menggubal satu undang-undang baru yang dipanggil Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983 dan memindahkan tanggungjawab mengenai bidang ini kepada Kementerian Dalam Negeri bagi membuktikan keazaman kerajaan untuk membasmi penagihan dadah di negara ini dengan lebih tegas dan berkesan-sungguh.

Selaras dengan ini sebuah pusat serenti pemulihan dadah telah ditubuhkan pada 18 April di Pulau Sebang, Melaka, dengan keupa-

yaan menampung 1,000 orang penagih dadah pada satu-satu masa.

Kini 260 orang penagih telah dimasukkan ke pusat itu untuk menjalani pemulihan yang berasaskan filosofi 'rough and rugged' dan bukan 'rest and recreation'.

Muatan maksima Pusat Pemulihan Bukit Mertajam, Tampoi dan Besut seramai 430 orang penghuni telah ditambah 100 peratus dan hasil dari kempen yang meluas seramai 641 orang penagih sedang ditempatkan di ketiga-tiga pusat ini, tambahnya.

Datuk Musa berkata selaras dengan kempen anjuran kerajaan, badan-badan politik dan sukarela seperti Wanita Umno, Pergerakan MCA dan MIC dan Pemadam juga turut melancarkan kempen anti-dadah di peringkat masing-masing bagi menyedarkan orang ramai tentang bahaya dadah.

Sebagai sebahagian dari kempen antidadah saya sendiri telah mengadakan perjumpaan dengan wartawan-wartawan semua akhbar tempatan dan wakil akhbar asing, pertubuhan parti politik, agama, belia, badan sukarela, ketua-ketua kementerian, jabatan dan badan kerajaan.

Tujuan perjumpaan ini untuk menggembleng tenaga semua pihak, kerajaan, swasta dan semua lapisan masyarakat umum supaya memberi sumbangan masing-masing ke arah matlamat membasmi ancaman dadah di negara ini.

Hasil perjumpaan ini menunjukkan bahawa keseluruhannya bersetuju dan bersedia memainkan peranan masing-masing ke arah mencepai matlamat ini, tambahnya.